

Latihan Kata Kerja Tak Transitif

- A. Arahan: Isi tempat kosong dalam perenggan dengan kata kerja tak transitif berikut.
(Taipkan jawapan di tempat kosong)

terancang	bergerak	terbuka	berkurang
menjadi	berlaku	terganggu	berleluasa

Pemuliharaan terhadap alam sekitar amat penting untuk mengelakkan kepupusan. Ekosistem dan ekologi alam semula jadi akan (1) _____ apabila flora atau fauna pupus. Cuaca juga akan (2) _____ panas dan kering jika penebangan hutan dilakukan secara tidak (3) _____. Habitat semula jadi akan musnah jika pembakaran hutan dilakukan secara (4) _____. Pelbagai jenis haiwan (5) _____ ke kawasan baharu untuk mencari tempat perlindungan. Akhirnya, fenomena ini mengakibatkan kepupusan haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

- B. Pilih jawapan yang paling tepat. (Taipkan jawapan ditempat kosong)

- Dia terkena jangkitan kuman itu selepas _____ tangan dengan pelancong dan luar negara pada minggu lepas.
A. bersalam B. berjabat C. berpegang D. bertepuk
- Bekalan elektrik di kampung ini sering _____ terutamanya pada musim perayaan.
A. terbengkalai B. terputus C. tergendala D. terganggu
- Adik ketakutan apabila melihat seekor ular sawa _____ di celah-celah akar pokok ketika pulang dari sekolah.
A. berjalan B. menyusur C. melulur D. melingkar
- Perahu nelayan di laut itu kelihatan _____ apabila dipukul ombak.
A. terapung-apung B. terolang-aling C. terkapai-kapai D. terumbang-ambing
- Pakar-pakar perubatan di negara kita sedang _____ untuk mencari penawar Covid-19.
A. berbual B. berdialog C. berbicara D. berbincang